



Good food, Good life



Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 15 Disember 2021

Nestlé Malaysia Ganding Bahu dengan Sime Darby Plantation untuk Giatkan Usaha Penanaman Semula Hutan untuk Tangani Perubahan Iklim

Kerjasama ini akan membolehkan penanaman lebih 1 juta pokok di bawah Projek RELeaf

Bagi menggiatkan lagi usaha pemuliharaan hutan dengan menanam tiga juta pokok di Malaysia menjelang 2023 menerusi Projek RELeaf, Nestlé Malaysia telah menandatangani Memorandum Persetujuan (MOA) dengan pengeluar minyak sawit lestari bertauliah terbesar di dunia, Sime Darby Plantation (SDP). Di bawah MOA ini, lebih 1 juta pokok bakal ditanam di ladang-ladang kelapa sawit SDP yang meliputi zon tebing sungai dan cerun curam seluas 1,200 hektar.

Projek RELeaf yang dilancarkan pada 2020 oleh Nestlé Malaysia, bertujuan memulihkan ekosistem tebing sungai dan hutan di Kawasan Tanah Lembap Kinabatangan dan Kawasan Pemuliharaan Hutan Merisuli di Sabah, dan juga hutan simpan di sepanjang kawasan *Central Forest Spine* di Semenanjung Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada usaha global Nestlé untuk menangani isu perubahan iklim dan mengurangkan jejak karbon Syarikat.

Menerusi MOA dengan SDP, Nestlé akan menyediakan dan membekalkan lebih 1 juta anak benih dan melaksanakan aktiviti penanaman di tapak-tapak tersebut. Kawasan penanaman terletak di ladang-ladang SDP terpilih di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Perlindungan alam sekitar menjadi keutamaan penting bagi Nestlé. Sebab itulah kami telah melaksanakan inisiatif ini untuk membantu melindungi dan memulihara biokepelbagaian semula jadi negara dan ini termasuk usaha penanaman semula hutan kami seperti Projek RELeaf, yang bermatlamat menanam tiga juta pokok menjelang 2023. Kini, kami sukacita untuk bekerjasama dengan SDP, yang juga merupakan pembekal utama minyak sawit lestari bagi Nestlé Malaysia. Menerusi kerjasama ini, kami akan dapat mengurangkan jumlah emisi di sepanjang rantai nilai kami, sambil membantu memulihara ekosistem semula jadi."

“Usaha sama ini akan menyokong ikrar global kami untuk mencapai emisi gas rumah hijau sifar menjelang 2050,” tambahnya.

En. Mohamad Helmy Othman Basha, Pengarah Urusan Kumpulan, Sime Darby Plantation, berkata Syarikatnya sukacita untuk sekali lagi bekerjasama dengan rakan seperjuangan untuk memenuhi komitmen melindungi dan memulihara biokepelbagaian serta membantu memerangi perubahan iklim.

"Pemulihan hutan dan penanaman pokok secara besar-besaran adalah penyelesaian berasaskan alam sekitar yang penting untuk meningkatkan kawasan tadahan karbon, sebagai sebahagian daripada tindak balas kami terhadap perubahan iklim. Dalam tempoh 12 tahun lepas, kami telah menanam lebih daripada 1.5 juta pokok menerusi pelbagai projek penanaman pokok, termasuk penglibatan kami dalam sebuah projek sebelum ini bersama Nestlé. Sime Darby Plantation benar-benar teruja untuk mengukuhkan semula komitmen kami dengan Nestlé hari ini menerusi RELeaf," kata Mohamad Helmy.

“Dalam tempoh lima tahun akan datang, kami bercadang menggandakan bilangan pokok yang kami tanam menerusi projek penanaman pokok kami. Walaupun kami bersedia mencapai sasaran pengurangan keamatan karbon sebanyak 40% menjelang 2030, kejayaan projek penanaman pokok kami membentuk asas dalam usaha kami membina landasan ke arah mencapai dan merealisasikan komitmen Emisi Sifar Bersih ini,” tambah Mohamad Helmy.

Semua aktiviti pemuliharaan dan biokepelbagaian yang dilaksanakan di bawah Projek RELeaf Nestlé Malaysia adalah sejajar dengan Garis Panduan Pengurusan dan Pemulihan Rizab Tebing Sungai RSPO 2018.

Projek RELeaf ialah susulan kepada Projek Kinabatangan Rileaf, yang tamat pada 2020 dan menyaksikan sejumlah sejuta pokok ditanam di Sabah. Di bawah Projek RELeaf, sasaran yang ditetapkan ialah untuk menanam sebanyak 3 juta pokok menjelang 2023.

-tamat-

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih

kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari <http://www.nestle.com.my> atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6010 -221 8216 (Alya) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my

MENGENAI SIME DARBY PLANTATION

Sime Darby Plantation (SDP) merupakan pengeluar Minyak Kelapa Sawit Diperakui Mampan (CSPO) terbesar dunia dengan pengeluaran CSPO sebanyak 2.097 juta tan metrik (sehingga 31 Disember 2020).

Sebagai sebuah syarikat perladangan bersepadu global, SDP terlibat dalam aktiviti-aktiviti di sepanjang rantai nilai kelapa sawit seperti perladangan hulu, operasi hiliran, penyelidikan & pembangunan, sumber tenaga boleh diperbaharui dan perniagaan agro. Operasi perladangan huluannya merangkumi aktiviti-aktiviti penanaman, penuaian dan pengilangan kelapa sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon. Perniagaan dan operasi hilirannya yang juga dikenali sebagai Sime Darby Oils, dijalankan di 14 buah negara dan melibatkan pengeluaran serta penjualan dan pemasaran produk minyak dan lemak, oleokimia, biodiesel yang berasaskan minyak sawit serta nutraseutikal dan derivatif lain.

Dengan tenaga kerja kira-kira 85,000 orang, serta penumpuan kepada kecemerlangan operasi, penyelidikan, inovasi dan kemampuan, SDP merupakan salah satu syarikat terbesar di Bursa Malaysia dengan modal pasaran bernilai RM25.66 bilion (AS\$6.06 bilion) setakat 14 Disember 2021.

Sime Darby Plantation

Azneal Azam

Tel: 03-7848 5369 / 016-337 6160 (HP)

E-mel: azneal.azam@simedarwinplantation.com

Hisyam Samad

Tel: 03-78484410 (Pejabat), 012-6929358 (HP)

E-mel: hisyam.samad@simedarwinplantation.com